

Harapan kepada

UM 13 DEC 2001

Oleh WAN HASNAN HASAN
(WARTAWAN UTUSAN)

MULAI Jumaat ini (14 Disember 2001), Kuala Lumpur akan diterajui oleh Datuk Bandar yang baru iaitu Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek.

Beliau akan menggantikan Tan Sri Kamaruzzaman Shariff setelah tempoh perkhidmatannya tamat pada 13 Disember 2001. Beliau telah berkhidmat selama enam tahun sebagai Datuk Bandar.

Pelantikan Mohamad Shaid yang merupakan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang keenam, sekali gus menyandarkan harapan tinggi warga kota kepada beliau untuk meneruskan kemakmuran ibu negara di samping memastikan setiap penghuninya terus menjalani kehidupan yang selesa dalam suasana yang harmoni.

Malah, cabaran lebih hebat bakal menanti beliau setelah kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dilihat begitu bersungguh-sungguh mahukan Kuala Lumpur menjadi salah satu destinasi pelancongan utama dunia.

Pengumuman Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pada Sabtu lalu bahawa sebuah pasukan Formula Satu yang bakal beraksi untuk musim 2002 iaitu Minardi akan menggunakan nama KL Minardi Asia-Tech harus menjadi pemangkin kepada Mohamad Shaid untuk mempertingkatkan imej ibu negara.

Melalui usaha promosi itu, nama Kuala Lumpur akan ditatap oleh lebih 350 juta penonton Formula Satu di seluruh dunia dan ini sekali gus menuntut kerja keras daripada Datuk Bandar yang baru untuk memastikan ibu negara sentiasa berada pada tahap cemerlang dan menarik untuk dikunjungi.

Yang pasti, usaha promosi yang dijalankan haruslah selari dengan usaha meningkatkan imej ibu negara supaya hasrat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia dapat dicapai.

Usaha tersebut bukan sahaja akan menjadikan Kuala Lumpur menjadi tempat menarik untuk pelancong malah memberi lebih keselesaan kepada penghuninya sebagai tempat tinggal dan mencari rezeki.

Walaupun ibu negara kini sudah bo-

leh berbangga dengan pencapaian yang dinikmati namun ia bukanlah bermakna Kuala Lumpur sudah sempurna.

Idea-idea baru perlu dicari di samping meneruskan perancangan terdahulu dan ia wajar dilakukan secara serius supaya setiap permasalahan ditangani secara berkesan dan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga.

Antara ruang yang masih boleh diperbaiki meliputi pelbagai aspek termasuk mutu kebersihan, pusat perniagaan, pengangkutan awam, perumahan, sistem lalu lintas dan rangkaian lebuh raya serta sistem saliran yang sempurna.

Kerenah

Semua itu, perlu diberi perhatian secara mendalam kerana ia tidak mungkin dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat malah ia mungkin menjadi satu perkara yang perlu diberi perhatian sepanjang masa mengikut keperluan zaman.

Yang pasti, ia bukanlah satu tugas yang mudah. Apatah lagi untuk melayan kerenah hampir dua juta penduduk Kuala Lumpur dan hampir empat juta lagi yang keluar masuk setiap hari di ibu negara.

Antara penekanan utama yang mungkin perlu diberi perhatian serius dan menjadi agenda utama Datuk Bandar yang baru ialah terhadap usaha meningkatkan mutu kebersihan di ibu negara.

Secara umumnya, kebersihan adalah asas yang paling utama untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia kerana ia bukan sahaja memberi imej yang baik kepada ibu negara malah ia secara tidak langsung turut mencerminkan kemajuan sikap warganya.

Namun ketika ini, jika kita tinjau di beberapa kawasan perumahan awam sekitar ibu negara, keadaannya agak mendukacitakan.

Mutu kebersihan di kawasan tersebut masih berada pada tahap yang rendah. Itu belum lagi meninjau keadaan di pasar-pasar basah atau pusat penjaja.

Sebenarnya, masalah itu boleh diatasi. Melalui tindakan yang lebih berkesan daripada pihak bertanggungjawab khususnya Alam Flora untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pembersihannya serta tindakan penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh

Shaid